

13 JUN 2002
Azizan-Mykad
PERKHIDMATAN TOUCH 'N GO DALAM MYKAD

PETALING JAYA, 13 Jun (Bernama) -- "MyKad", kad pengenalan pintar pelbagai guna kerajaan menawarkan perkhidmatan bayaran secara elektronik Touch 'n Go bagi Lembah Kelang mulai Julai ini.

Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Datuk Azizan Ayob berkata perkhidmatan itu akan diperluaskan ke kawasan luar Lembah Kelang secara berperingkat dan dijangka meliputi ke seluruh negara tahun depan.

"Pemohon baru MyKad akan ditawarkan perkhidmatan tersebut tanpa bayaran tambahan, dengan hanya membayar RM20 untuk permohonan MyKad," katanya pada persidangan media di pejabatnya di sini hari ini.

Turut hadir Ketua Pegawai Operasi Syarikat Rangkaian Segar Sdn Bhd Swinder Grewal.

Bagi pemohon kad Touch 'N Go secara biasa mereka dikenakan bayaran permohonan sebanyak RM15 bagi setiap kad.

Azizan berkata JPN mengambil langkah tersebut bagi memastikan MyKad mempunyai pelbagai fungsi termasuk sebagai kad transit selaras dengan saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Usaha ini juga ke arah mewujudkan sistem tiket bersepadu bagi pelbagai perkhidmatan di negara ini," katanya.

Azizan berkata perkhidmatan Touch 'n Go ini adalah untuk pemohon kad MyKad yang baru manakala pemegang kad sedia ada perlu memohon kad baru untuk mendapat perkhidmatan tersebut.

MyKad yang mempunyai aplikasi Touch 'n Go akan mempunyai logo Touch 'n Go di penjuru bawah sebelah kiri di belakang kad yang menggunakan cip yang berlainan, katanya.

JPN memilih Touch 'n Go sebagai aplikasi baru untuk MyKad kerana ianya boleh digunakan untuk pelbagai bayaran bagi memudahkan orang ramai, selain mempunyai infrastruktur yang stabil.

Pemegang MyKad yang mempunyai aplikasi Touch 'N Go boleh memasukkan wang untuk perkhidmatan tersebut di agen-agen yang dilantik oleh Syarikat Rangkaian Segar Sdn Bhd antaranya ATM Bank Bumiputra of Commerce (BCB), kaunter Putra LRT, kaunter stesen bas dan stesen minyak Petronas, katanya.

Dengan perkhidmatan Touch 'n Go, pemilik MyKad boleh menggunakan kad itu untuk membayar tol di hampir kesemua lebuh raya serta di lorong "Smart Tag".

Selain itu ia mempunyai kemudahan untuk membayar tiket bas Cityliner dan bas pengantara Putra Line serta sistem transit aliran ringan Putra LRT.

Touch 'n Go juga merupakan sistem yang dipilih sebagai platform bagi mewujudkan sistem tiket bersepadu untuk pengangkutan awam di bawah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Azizan berkata JPN juga sedang menjalankan kajian bagi menambah maklumat yang boleh dimuatkan ke dalam "MyKad" termasuk sijil kelahiran.

Bagaimanapun maklumat sijil kelahiran memerlukan JPN menambah "memory chip" yang lebih besar iaitu dari 32K yang digunakan sekarang kepada 64K, yang mana kos bayaran kad terpaksa dinaikkan tetapi tidak banyak beza dengan bayaran sekarang, katanya.

Beliau berkata JPN juga sedang mengkaji untuk mewujudkan "combi chip" bagi memudahkan memasukkan segala aplikasi kad itu dalam satu cip, berbanding sekarang ianya perlu menggunakan dua cip, iaitu "contactless chip" untuk perkhidmatan Touch 'n Go dan "contact chip" bagi maklumat diri pemilik.

Pemilik MyKad kini mencapai 1.8 juta sejak dilancarkan pada 5 September

tahun lepas dengan 40 peratus merupakan mereka yang baru membuat kad pengenalan.

-- BERNAMA

HK ZS ROS